**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN**
**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

# PEPERIKSAAN AKHIR TEORI
# SESI I : 2024 / 2025

# SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

## SPP 30273
## PENGURUSAN PROSES PERNIAGAAN

**Dua (2) jam**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

**ARAHAN UMUM**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B.**

2. Jawab **semua** soalan di kedua-dua bahagian.

3. Bahagian A mengandungi **Dua Puluh (20)** soalan aneka pilihan dengan empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D.** Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** pilihan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.

4. Bahagian B mengandungi **Tiga (3)** soalan subjektif. Tuliskan jawapan anda dalam buku jawapan yang disediakan.

5. Kertas soalan ini hendaklah dikembalikan semula kepada Pengawas setelah tamat peperiksaan.

---

Kertas soalan ini mengandungi **SEBELAS (11)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

## BAHAGIAN A

*[ 40 markah ]*

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

1. Apakah proses yang digunakan untuk menukar input kepada output dalam sistem pengeluaran? CLO1 T1

   **A** Proses kawalan
   **B** Proses penukaran
   **C** Proses penyelidikan
   **D** Proses transformasi

2. Pengurus kilang perlu peka kepada________baharu yang boleh meningkatkan kecekapan pengeluaran/operasi. CLO1 T1

   **A** perubahan pekerja
   **B** perubahan teknologi
   **C** perubahan produktiviti
   **D** perubahan persekitaran

3. Berdasarkan penyataan di bawah, ia merujuk kepada CLO1 T1

   - *Untuk mengurangkan kos operasi*
   - *Meningkatkan hasil*

   **A** meningkatkan imej syarikat.
   **B** proses transformasi organisasi
   **C** kepentingan produktiviti kepada syarikat
   **D** pengurangan pekerja bagi sesebuah syarikat

| PENERBANGAN | | |
|---|---|---|
| INPUT | PROSES TRANSORMASI | OUTPUT |
| Kapal Terbang<br>Pilot | | Penumpang sampai ke destinasi |

Rajah 1

4. Berdasarkan rajah 1 di atas apakan proses tranformasi yang terjadi? CLO1 T1

**A** Penghantaran kargo
**B** Industri pelancongan
**C** Melancong luar negara
**D** Penerbangan membawa penumpang

5. Apakah objektif utama pemilihan lokasi bagi sesuatu industri atau pengilang? CLO1 T2

**A** Meningkatkan daya saing
**B** Merancakkan aktiviti ekonomi
**C** Meminimumkan kos-kos pengeluaran
**D** Meningkatkan hasil pengeluaran produktiviti

6. Berikut adalah merupakan faktor-faktor dalam pemilihan lokasi kilang **KECUALI** CLO1 T2

**A** Memulakan perniagaan
**B** Kapasiti tidak mencukupi
**C** Berdekatan dengan balai polis
**D** Pengenalan produk atau perkhidmatan baru

| Faktor Ketara (Tangible Factor) | Jalan Tun Perak | Jalan Tun Lanang | Jalan Hang Tuah |
|---|---|---|---|
| Buruh | 1.60 | 0.85 | 0.75 |
| Pengangkutan | 0.08 | 0.07 | 0.10 |
| Utiliti | 0.17 | 0.20 | 0.25 |

Rajah 2

7. Merujuk kepada rajah 2 di atas, teknik pemilihan lokasi yang manakah paling sesuai ? CLO1 T2

**A** Kaedah graviti-pusat
**B** Kaedah pengangkutan
**C** Kaedah titik pulang modal
**D** Kaedah faktor pengadaran

8. Kenalpasti faktor yang diambilkira dalam kaedah pengadaran CLO1 T2

I. Kos sewaan
II. Kos peralatan
III. Kebolehcapaian
IV. Keperluan buruh

**A** I, II
**B** I, III
**C** II, III
**D** I, IV

9. Antara berikut yang mana menyatakan kepentingan strategi susun atur dalam operasi kilang? CLO1 T3

**A** Memperluaskan pasaran secara global.
**B** Memaksimumkan kos dan hasil pengeluaran.
**C** Menarik pelanggan dengan harga yang rendah.
**D** Memastikan kemudahan fizikal diatur untuk kerja yang cekap.

10. Susun atur produk adalah merujuk kepada pendekatan rekabentuk ruang kerja CLO1 T3

**A** kilang di mana peralatan, mesin dan stesen kerja disusun secara berstruktur.

**B** kilang di mana produk atau projek dibuat atau dijalankan di satu lokasi yang tetap.

**C** kilang di mana kemudahan dan stesen kerja diletakkan berdasarkan persamaan fungsi atau proses yang dijalankan.

**D** pejabat yang merangkumi penempatan meja, peralatan dan kemudahan lain untuk mewujudkan persekitaran yang cekap dan produktif.

11.

| |
|---|
| Setiap stesen kerja dalam susun atur produk mempunyai fungsi tertentu yang berkaitan dengan proses pengeluaran. |

Merujuk kepada penyataan di atas, pengkhususan ini dapat meningkatkan kecekapan fungsi kerana pekerja di setiap stesen kerja boleh CLO1 T3

**A** meminimumkan kos penghantaran.

**B** meningkatkan kemahiran teknologi.

**C** memberi tumpuan kepada tugas yang ditetapkan.

**D** mengendalikan variasi produk atau perubahan reka bentuk dengan lebih baik.

12. Rasional susun atur proses lebih fleksibel berbanding susun atur produk kerana

**A** boleh menarik pelanggan dengan harga yang rendah.

**B** boleh menjimatkan kos operasi dengan lebih berkesan.

**C** boleh memastikan lokasi yang sesuai untuk mencapai hasil yang optimal.

**D** boleh mengendalikan variasi produk atau perubahan reka bentuk dengan lebih baik.




Rajah 3

13. Berdasarkan rajah 3 di atas, yang manakah merujuk susun atur sesuai? CLO1 T3

**A** Susun atur produk

**B** Susun atur proses

**C** Susun atur selular

**D** Susun atur gudang




Rajah 4

14. Rajah 4 di atas adalah merujuk kepada CLO1 T4

**A** fokus proses.

**B** fokus produk.

**C** fokus berulangan.

**D** *mass customization.*

15.

- *Item yang dibeli tetapi masih belum diproses*
- *Memerlukan proses tranformasi untuk menukar kepada produk yang telah siap*

Penyataan di atas adalah merujuk kepada CLO1 T5

**A** inventori produk siap

**B** inventori bahan mentah

**C** inventori penyelenggaraan

**D** inventori kerja- dalam- proses (wip)

16. Apakah yang dimaksudkan dengan Analisis ABC? CLO1 T5

**A** Teknik pemilihan untuk mencari produk yang paling disukai pengguna.

**B** Teknik pemilihan inventori yang membantu mencari produk yang paling berkualiti

**C** Teknik pengkategorian inventori yang membantu mencari produk yang paling untung

**D** Teknik pengkategorian inventori yang membantu mencari produk yang paling berharga.

17. Nyatakan kategori inventori ABC ditahap pertengahan (30% jumlah inventori). CLO1 T5

**A** Gred A

**B** Gred B

**C** Gred C

**D** Gred D

| Kos Pesanan Tahunan = (D/Q) x S |
|---|

Rajah 5

18. Berdasarkan Rajah 5, simbol Q merujuk kepada ________ CLO1 T5

**A** saiz lot
**B** jumlah kos
**C** kos pesanan
**D** kos pegangan

19. Yang manakah antara berikut merupakan kepentingan dalam titik pesanan semula CLO1 T5

I. Pengurusan masa
II. Pengoptimuman Inventori
III. Kecekapan Operasi yang Dipertingkatkan
IV. Perkhidmatan Pelanggan yang Dipertingkat

**A** I, II, III
**B** I, II, IV
**C** II, III, IV
**D** Semua di atas

- Stok minimum
- Pengeluaran berdasarkan pesanan
- Fleksibiliti pengeluaran

20. Berdasarkan penyataan di atas ianya merujuk kepada konsep CLO1 T5

**A** *Just In Time.*
**B** penjagaan kualiti.
**C** produktiviti cekap.
**D** pengurusan masa.

## BAHAGIAN B

*[ 60 markah ]*

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan

**Soalan 1**

a) Nyatakan **EMPAT (4)** ciri-ciri produk. CLO1 T1

*[4 markah]*

b) Terangkan peringkat-peringkat dalam proses perniagaan CLO1 T1

i. Input
ii. Proses transformasi
iii. Output

*[6 markah]*

c) Nyatakan **EMPAT (4)** faktor yang mempengaruhi pemilihan lokasi dalam proses perniagaan. CLO1 T2

*[4 markah]*

d) Terangkan faktor-faktor pemilihan mengikut sesuatu kawasan berikut: CLO1 T2

i. Negara
ii. Negeri/komuniti
iii. Daerah

*[6 markah]*

**Soalan 2**

Strategi susun atur merupakan satu strategi bagi meminimumkan bebanan peralihan bahan dari satu bahagian kebahagian yang lain. Ianya juga merujuk kepada cara penyusunan mesin, jabatan dan stesen kerja.

a) Berikan **TIGA (3)** objektif susunatur peralatan atau mesin dalam pengeluaran. CLO1 T3

*[3 markah]*

b) Nyatakan **TIGA (3)** jenis susunatur dalam ruang kerja atau kilang. CLO1 T3

*[3 markah]*

c) Terangkan **DUA (2)** ciri penting dalam elemen susun atur produk. CLO1 T3

*[4 markah]*

d) Huraikan jenis susun atur berikut: CLO1 T3

i. Susun atur pejabat
ii. Susun atur gudang

*[4 markah]*

e) Terangkan elemen susun atur tetap berdasarkan gambar berikut. CLO1 T3

i. Pembinaan kapal



ii. Pembinaan lebuhraya



iii. Pembinaan jambatan



*[6 markah]*

**Soalan 3**

a) Strategi proses merupakan strategi-strategi yang digunakan dalam menentukan sesebuah organisasi bagi menghasilkan sesuatu produk mereka. Nyatakan **TIGA (3)** jenis strategi asas yang berkaitan dengan strategi proses CLO1 T4

*[3 markah]*

b) Berikan definisi kawalan inventori. CLO1 T5

*[2 markah]*

c) Nyatakan **TIGA (3)** tujuan kawalan inventori dilaksanakan. CLO1 T5

*[3 markah]*

d) Terdapat jenis-jenis inventori dalam pengurusan proses perniagaan. Terangkan jenis-jenis inventori berikut: CLO1 T5

i. Inventori bahan mentah
ii. Inventori kerja- dalam- proses ( WIP )
iii. Inventori penyelenggaraan/pengoperasian

*[6 markah]*

e) Analisis ABC ialah teknik pengkategorian inventori yang membantu mencari produk yang paling berharga. Huraikan tentang Gred A, Gred B dan Gred C. CLO1 T5

*[6 markah]*

**SOALAN TAMAT**
**Selamat Menjawab**